

Atas rasa prihatin 45 pelajar bergotong-royong bersih kawasan ditimpa musibah

Mahasiswa UMP bantu mangsa banjir

Oleh SITI NORIZAT SHIKH
ABDUL JALIL
utusanktn@gmail.com



KUANTAN 8 Jan. - Atas rasa prihatin dengan nasib mangsa banjir di daerah ini, sekumpulan mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) bergotong-royong membersihkan kawasan yang ditimpa musibah itu baru-baru ini.

Program anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMP yang berjalan serentak di dua lokasi itu memberi peluang kepada 45 mahasiswa UMP turun padang membantu membersihkan Sekolah Kebangsaan Galing yang dijadikan pusat penempatan mangsa banjir dan membersihkan rumah mangsa di Kampung Tengah baru-baru ini.

Menurut Yang Dipertua MPP UMP, Abdul Naim Suhaimi, 22, walaupun sibuk membuat persediaan menghadapi peperiksaan akhir semester, atas dasar prihatin, para

penuntut tetap bertekad membantu malah tidak sedikit melunturkan semangat mereka untuk berkhidmat.

Katanya, selain membersihkan penempatan, sukarelawan juga membantu mengagihkan sumbangan daripada badan-badan korporat kepada mangsa banjir yang dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

"Dengan sedikit sumbangan tenaga ini sekarang-kurangnya dapat membantu meringankan bebanan yang terpaksa ditanggung mangsa banjir untuk berdepan dengan situasi sukar ini.

"Saya menghargai usaha yang dilakukan rakan-rakan mahasiswa UMP sendiri dalam mendapatkan

maklumat segera dan mengumpulkan sukarelawan bagi menjayakan program ini," katanya yang pertama kali terlibat sebagai sukarelawan banjir.

Bagi **Muhammad Sufian Abd. Razak**, 23, penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kemasyarakatan itu dapat memberi pengalaman dan membentuk sifat kepimpinan mahasiswa.


"Sebagai seorang yang aktif menjalankan aktiviti kesukarelawan dan kemanusiaan, saya menyeru lebih ramai masyarakat khususnya kalangan mahasiswa untuk melibatkan diri dalam pelbagai program termasuk anjuran Majlis Belia Malaysia (MBM)," jelasnya.

Rakannya, **Muhammad Farhan Adnan**, 22, berpendapat, mahasiswa perlu cakna dengan masyarakat sekitar kerana mereka juga berperanan sebagai jurubicara dalam kelompok masyarakat di luar kampus.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, **Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim** yang turut hadir dalam menyokong usaha ini berbangga dengan kesungguhan mahasiswanya menyumbangkan sebahagian masa ulang kaji mereka sebagai amal jariah yang akan dapat memberi kesan positif kepada pencapaian akademik mahasiswa.

"Para pelajar juga akan mendapat pendedahan dan pengalaman dalam melaksanakan program khidmat masyarakat dan bukan sahaja tertumpu pada bidang pengajian di universiti," katanya.

PELAJAR UMP, Nor Hasmira Abd. Hamid yang kehilangan adik tersayang semasa banjir di kampungnya baru-baru ini menerima sumbangan bantuan banjir yang disampaikan oleh **Daing Nasir Ibrahim** di pejabatnya di UMP, Kuantan, baru-baru ini.



VM (Kell) @Lau 9/1/13 ms86